

14 JUL 2003

Huhtala-Malaysia/I

PERALIHAN KUASA DI M'SIA BUKAN KEBIMBANGAN BESAR AMERIKA

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat percaya peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober ini tidak akan menimbulkan kebimbangan atau masalah kepada negara kuasa dunia itu.

Duta Besar Amerika ke Malaysia, Marie T. Huhtala, berkata pertukaran pucuk pimpinan di sesebuah negara bukan situasi yang luar biasa dan ianya juga berlaku di banyak tempat termasuk di Amerika Syarikat.

"Hubungan baik antara Amerika dan Malaysia pada dasarnya tidak akan berubah (selepas peralihan)," katanya semasa memberi ceramah mengenai Dasar Amerika Di Era Selepas Iraq yang dianjurkan oleh Persatuan Persidangan Kajian Komanwel Malaysia di sini, hari ini.

Huhtala berkata demikian semasa menjawab soalan yang dibangkitkan dalam sesi soal jawab mengenai pandangan Amerika terhadap "pertukaran rejim" itu.

Kerajaan Amerika akan memantau proses peralihan kuasa dengan penuh minat dan yakin ianya akan berjalan dengan lancar, katanya.

Terlebih dahulu dalam ucapannya, Huhtala berkata walaupun Amerika dan kerajaan Malaysia tidak berkongsi pandangan yang sama dalam beberapa hal tetapi kedua-dua negara itu menikmati hubungan yang baik dalam bidang ekonomi, keselamatan dan kebudayaan.

Kerajaan Amerika menyambut baik langkah Malaysia menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Menangani Keganasan di Kuala Lumpur pada 1 Julai lepas.

"Kami percaya pusat ini akan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kemampuan anggota Asean menangani keganasan dan kami berharap untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam membangunkan bidang kritikal ini," katanya.

Huhtala berkata Malaysia merupakan antara rakan terbaik Amerika dalam menangani masalah keganasan di rantau Asia Tenggara.

"Malaysia telah melakukan usaha yang baik sekali dalam menyiasat dan menangkap anggota rangkaian pengganas Jemaah Islamiah dan kumpulan lain yang mengancam untuk menggulingkan kerajaan tempatan dengan cara ganas," katanya.

Menjawab soalan mengenai maklumat mengelirukan tentang cubaan presiden Iraq Saddam Hussein membeli uranium dari Niger untuk senjata nuklearnya, Huhtala berkata adalah tidak adil bagi memperbesarkan perkara itu kerana ianya sudah diperbesarkan oleh beberapa parti politik di Amerika.

Katanya, Presiden George W. Bush, telah cuba melaksanakan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin.

Dunia kini menghadapi cabaran besar dalam memerangi keganasan kerana pengganas di seluruh dunia mungkin membentuk rangkaian kuat di kalangan mereka menerusi penggunaan teknologi seperti Internet.

"Kita tidak boleh kembali kepada masa yang mudah seperti dahulu atau melepaskan kelebihan perubatan moden, kemudahan perbankan moden hasil keberkesanan komunikasi moden.

"Tetapi kita perlu berdepan dengan ancaman merentasi sempadan dan mencegah penyalahgunaan teknologi kita untuk tujuan jahat," katanya.

-- BERNAMA

NN HS DC PR